

NAMA : TINGKATAN:.....

NO. KAD PENGENALAN

						-			-				
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

SOALAN PERCUBAAN SPM 2026 (SET 2) JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH

SEJARAH

1249/2

Kertas 2
Ogos/2026

2 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis di pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
4. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.
5. Markah yang diperuntukan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah	Markah Diperolehi
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
JUMLAH		100	

[40 markah]
Jawab **semua** soalan

1. Sistem pentadbiran, peraturan dan masyarakat yang tersusun membolehkan Kesultanan Melayu Melaka menjadi sebuah kerajaan yang unggul.

(a) Nyatakan **dua** ciri Kesultanan Melayu Melaka.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan peranan golongan berikut pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

- (i) Rakyat
-
-

- (ii) Pemerintah
-
-

[4 markah]

(c)

Hubungan timbal balik antara pemerintah dan rakyat perlu menjadi amalan

Ulasakan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2. Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949 yang terdiri daripada pemimpin pelbagai kaum.

(a) Namakan **dua** anggota Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC).

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan peranan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) dalam menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Teliti poster berikut.



Sumber:Kementerian Perpaduan Negara (Konsep Perpaduan Nasional)

Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3. Sistem Raja Berperlembagaan merupakan sebahagian daripada pentadbiran negara kita.

(a) Apakah kedudukan Yang di-Pertuan Agong seperti yang termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan?

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam aspek berikut:

i. Eksekutif

.....

.....

[2 markah]

ii. Perundangan

.....

.....

[2 markah]

(c) "Kesetiaan bukan sekadar ucapan di bibir, tetapi suatu komitmen dan tanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan serta menghormati institusi beraja yang menjadi pelindung keamanan Malaysia."

Sumber : <https://news.uitm.edu.my/2023/05/rukun-negara->

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

4. Rukun Negara telah diisytiharkan secara rasmi pada 31 Ogos 1970 bersempena ulang tahun kemerdekaan yang ke-13.

(a) Apakah maksud Rukun Negara?

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan matlamat Rukun Negara.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) "Setiap rakyat Malaysia perlu menghayati sepenuhnya prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara. Prinsip Rukun Negara mampu memperkukuh dan mengeratkan perpaduan antara kaum di Malaysia."

Sumber: Buku teks Sejarah Tingkatan 5

Pada pendapat anda, apakah kesan terhadap negara sekiranya rakyat tidak menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

5. Pendudukan Jepun di negara kita telah membangkitkan perjuangan rakyat menentang Jepun.

(a) Mengapakah Jepun berminat menguasai negara kita ? [4 markah]

(b) Bagaimanakah pasukan berikut berjuang menentang pendudukan Jepun?

(i) Rejimen Askar Melayu [4 markah]

(ii) Force 136 [4 markah]

(c) Baca petikan berikut.

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Kementerian Pendidikan Tinggi telah diarahkan untuk berbincang dengan Kementerian Pendidikan bagi memastikan subjek teras seperti Sejarah diberikan keutamaan, termasuk di sekolah swasta dan antarabangsa. Beliau berkata, usul itu juga akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri sebagai langkah memperkukuh kesedaran kebangsaan demi melahirkan generasi berilmu, berjiwa besar dan cintakan negara.

Bagi mengembalikan semangat patriotisme, sejarah dan sivik mesti dijadikan landasan kerana melaluinya manusia dapat mempelajari segala liku-liku yang terpaksa ditempuhi oleh generasi sebelumnya untuk mewariskan sebuah kehidupan bagi generasi berikutnya. Pengorbanan tokoh-tokoh zaman silam mestilah dikenang dengan sebaik-baiknya kerana mereka merupakan sejarah perjuangan gemilang untuk memartabatkan patriotisme negara.

Sumber : <https://www.sinarharian.com.my>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

6. Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1948 ditubuhkan secara rasminya pada 1 Februari 1948.

(a) Terangkan perkara yang berikut.

(i) Apakah tujuan British memperkenalkan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

[3 markah]

(ii) Jelaskan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948.

[3 markah]

(b) Mengapakah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting terhadap pembinaan negara dan bangsa Malaysia?

[6 markah]

(c) Baca petikan berikut.

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi pendirian bahawa kerajaan akan terus memastikan kedaulatan Raja-raja Melayu kekal terpelihara. Mempertahankan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera serta menjamin kepentingan sah kaum lain turut terpelihara.

Menurutnya, menjadi iltizam kerajaan untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat khususnya dalam menyelesaikan isu utama negara. Menurutnya, kerajaan ini terbina atas nama rakyat merentasi kaum dan agama, wilayah dan daerah mahupun ideologi dan pendekatan. Ujarnya, meskipun wujud jalur politik berbeza, namun pembentukan negara yang stabil telah menjadisas yang diperlukan bagi memacu sebuah pembaharuan yang bermakna.

Sumber ubah suai: <https://www.sinarharian.com.my/article/236949>

Cadangkan peranan kerajaan untuk memastikan kedaulatan negara terus terpelihara demi masa hadapan Malaysia yang unggul.

[8 markah]

7. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan.

(a) Terangkan latar belakang sistem persekutuan di negara kita. [4 markah]

(b) Jelaskan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam aspek berikut:


(i) Kerjasama Pembangunan Sosioekonomi [4 markah]

(ii) Kerjasama Menjamin Keselamatan dan Kedaulatan Negara [4 markah]

(c) Teliti poster berikut.



HUBUNGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI



Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut.

[8 markah]

8. Peristiwa konfrontasi Malaysia-Indonesia adalah konflik yang berlaku akibat penentangan Indonesia terhadap pembentukan Malaysia.

- (a) Terangkan peristiwa konfrontasi tersebut. [6 *markah*]
- (b) Jelaskan tindakan yang diambil oleh Malaysia untuk menamatkan konfrontasi tersebut. [6 *markah*]
- (c) Lirik tersebut boleh dikaitkan dengan kesungguhan Malaysia mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara dalam usaha menangani konfrontasi.

Sejahtera Merdeka

Dengan tekad untuk berjaya
Berbakti pada nusa dan bangsa
Kami junjung cita-cita luhur
Perpaduan seluruh negara

Seia sekata sehati sejiwa
Menghadapi cabaran
Kami sedia
Kami setia
Berkorban untuk negara

Pencipta : Tan Sri Mohamed Rahmat

Beri ulasan anda.

[8 *markah*]

9. Pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan melalui diplomasi dan berhemah dalam menyelesaikan isu global adalah sesuatu yang perlu disokong oleh rakyat Malaysia.

a) Jelaskan peranan Malaysia dalam menangani isu global berikut.

- (i) Penyalahgunaan dadah [4 markah]
- (ii) Kempen antiminyak sawit [4 markah]
- (iii) Penyakit berjangkit [4 markah]

c) Jadual berikut merupakan statistik kes pemerdagangan orang yang melibatkan rakyat Malaysia di luar negara dari Januari 2020 hingga Mac 2025.

Rakyat Malaysia diperdaya menjadi "scammer" di luar negara	
Laporan diterima	489 laporan
Rakyat Malaysia yang menjadi mangsa	637 orang
Mangsa yang berjaya diselamatkan	504 orang
Mangsa yang masih terkandas di luar negara	133 orang

Sumber: <https://mhomalaysia.org/isu-pemerdagangan-manusia-di-malaysia>

Jelaskan maklumat dalam jadual tersebut dan kesan terhadap keamanan dunia jika jenayah ini tidak dibendung.

[8 markah]

-KERTAS SOALAN TAMAT-

